

KALAU tak ada aral melintang, masyarakat Melayu Singapura akan mempunyai sebuah Majlis Sukan Tradisional (Massutra) yang akan cuba menggalakkan perkembangan sukan-sukan tradisional Melayu di sini.

Kabarnya, ada tiga buah badan yang akan bergabung untuk membentuk majlis itu — Persisi (silat), Perses (sepaktakraw) dan Fedegasi (gasing).

Kalaulah majlis itu dapat dibentuk memanglah bagus, kerana sekurang-kurangnya ada pihak yang ambil berat untuk majukan sukan-sukan tradisional Melayu.

PENCAER SILAT

Berita Minggu

Tapi berdasarkan pengalaman, soal untuk bergabung ini bukanlah satu perkara yang mudah, lebih-lebih lagi bila yang hendak bergabung itu mempunyai minat yang berbeza-beza.

22 JAN 1984

Dengan lain perkataan, kita perlu tinjau dan teliti dengan sedalam-dalamnya mengenai masalah-masalah yang dihadapi sebelum buat keputusan muktamad.

Tak guna umpamanya kita tergesa-gesa bergabung, tapi usia penggabungan itu tak panjang. Sebab, bila dah putus untuk bergabung, pastikanlah agar ia kekal abadi.

Wak Cantuk

J-kuasa sementara utk bentuk Massutra

SEBUAH jawatankuasa sementara telah pun dibentuk untuk mengusahakan penubuhan Majlis Seni Reka dan Sukan Tradisional (Massutra) yang merangkumi seni silat, gasing dan sepaktakraw.

23 JAN 1984

Jika majlis tersebut berjaya dirasmikan nanti ia akan menjadi badan pertama seumpama itu ditubuhkan di Singapura.

Pembentukan jawatankuasa yang difahamkan terdiri dari 12 orang itu telah dijalankan pada Khamis lalu, sehari selepas rancangan untuk menubuhkan majlis tersebut diumumkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India, Haji Ya'acob Mohamed.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh para wakil dari tiga badan yang akan mempelopori usaha menubuhkan majlis tersebut.

Ketiga-tiga badan itu

Oleh DEWANI ABBAS

ialah Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Federasi Gasing Singapura (Fedegasi) dan Persekutuan Amatir Sepaktakraw Singapura (Perses).

Haji Ya'acob, yang juga Presiden Persisi dan Presiden Perses menerangkan bahawa rancangan menubuhkan Massutra bertujuan membolehkan ketiga-tiga badan tersebut menjalankan usaha-usaha menggalak dan memajukan tiga jenis seni Melayu itu secara bersama.

Galakkan

Selama ini, menurut beliau lagi, usaha tersebut dijalankan secara sendiri-sendiri oleh badan-badan berkenaan.

Jadi, sudah sampai masanya ketiga-tiga badan itu mengadakan usaha penggalakan secara bersama.

Ketika dihubungi sebelum beliau berangkat ke India kelmarin, Haji Ya'acob menerangkan lebih lanjut bahawa penubuhan majlis tersebut juga diharapkan dapat mengelakkan kegiatan yang bertimbal-balik yang dianjurkan oleh badan-badan yang terlibat dalam tiga jenis seni itu.

Adalah diharapkan bahawa dengan adanya majlis seperti Massutra kelak, maka semua kegiatan seni silat, permainan gasing dan sepaktakraw dapat dianjurkan di bawah satu naungan.

Dengan demikian, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat merangkumi bidang dan skop yang lebih luas lagi berkesan.

Difahamkan juga bahawa jawatankuasa sementara itu akan cuba menghubungi semua anggota yang bersekutu dengan tiga buah badan tersebut

tidak lama lagi.

Ini bertujuan mendapatkan maklumbalas dari mereka mengenai bagaimana majlis itu dapat dibentuk nanti dan apakah dasar perlembagaannya.

Haji Ya'acob berkata: "Kami mahu semuanya berjalan dengan licin dan lancar dalam usaha menubuhkan majlis itu hingga ke peringkat pendaftarannya kerana usaha ini bukan merupakan satu usaha sambil lewa saja."

Kekalkan

MELAYU-SPEK

Beliau juga telah menyuarakan kemungkinan sukan-sukan tradisional Melayu yang lain seperti jong dan kolek dimasukkan di bawah kegiatan Massutra.

Harapannya ialah agar menerusi pembentukan Massutra sukan-sukan tradisional Melayu bukan saja dapat dikekalkan sebagai warisan Melayu, malah sebagai sukan kebangsaan negara ini.